JAINURI AHMAD

lwn.

WONG MOK HONG & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[GUAMAN SIVIL NO. P52 1984]
31 OKTOBER 1989

TORT: *Kemalangan - Tindakan diambil oleh penumpang dan bukan oleh pemandu - Anggapan di bawah s. 144 Ordinan Kebuktian - Dua falsafah - Perlanggaran berhampiran dengan garisan di tengah jalan tanggungan bersama - Tugas plaintif membuktikan ke taraf kebarangkalian yang imbang - Cakapan dan tingkahlaku plaintif diambilkira.*

Suatu perlanggaran berlaku di antara sebuah lori dan motorsikal di mana pihak plaintif sebagai penumpang motorsikal tersebut telah menemui kecederaan. Motorsikal itu telah dipandu oleh seorang kawan plaintif, yang bagi perbicaraan ini tidak menjadi satu pihak dan tidak dipanggil menjadi saksi. Kejadian ini berlaku di Batu 16, Sungei Pelong, Jalan Kuala Selangor-Kuala Lumpur, berhampiran dengan sebuah selekoh.

Pihak polis telah memberi keterangan bahawa tanda-tanda perlanggaran itu ialah di sebelah jalan defendan ditanda 'D' di dalam rajah kasar. Pihak plaintif berkata defendan telah masuk ke jalannya kerana hendak memotong selekoh ke sebelah kanan dan pada masa kejadian itu kerja-kerja memasang paip sedang berjalan di tengah jalan dan ada tanda 'AWAS' diletak di situ. Pihak defendan menafikan ada kerja-kerja tersebut dan ada tanda 'AWAS' yang dinyatakan. Kenyataan ini disokong oleh pihak polis, DW.1.

Diputuskan:

[1] Cerita plaintif itu tidak disokong oleh sesiapa bahkan rajah kasar itu menafikannya dan plaintif adalah seorang yang cakapnya bukan setakat diragukan tetapi yang tidak boleh dipercayai dan diterima sama sekali.

[2] Seharusnya pihak pemandu motorsikal itulah yang sepatutnya memberi keterangan bagaimana perkara itu telah berlaku melainkan jika ia telah mati. Dari itu anggapan di bawah s. 144 Ordinan Kebuktian berbangkit.

[3] Ada dua falsafah yang harus dihadapi di dalam hal ini, pertama, jika perlanggaran itu berlaku di dalam kawasan yang berhampiran dengan garisan di tengah jalan, maka tidak kira samada ianya di dalam kawasan plaintif atau defendan, maka Mahkamah haruslah menetapkan bahawa kedua-dua pihak yang terlibat menanggung dengan sama rata separuh atau sebahagian dari kesalahan atau tanggungan yang berbangkit atas kadar yang maksimanya ialah 50%-50%. Kedua, adalah tugas pihak yang mendakwa itu membuktikan kesnya sekurang-kurangnya ke taraf kebarangkalian yang imbang (on the balance of probability).

[4] Kejadian ini berlaku oleh kerana kesalahan pihak pemandu motorsikal itu semata-mata, yang telah cuai (negligence) memandu motorsikalnya. Dialah yang seharusnya didakwa kerana pihak defendan tidak boleh dipersalahkan. Kesimpulan ini dibuat kerana cakapan plaintif dan tingkahlakunya (demeanour) tidak boleh diterima. Sebaliknya, pihak plaintif telah tidak menunjukkan tindak-tanduk defendan yang boleh menimbulkan keraguan bahawa percakapan-percakapan itu tidak boleh dipercayai. Bahkan kesemua bukti-bukti yang telah didedahkan memihak kepada defendan sebagai yang bercakap dengan betul dan benar.

[Tuntutan ini ditolak dengan bayaran kos.]

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Ordinance, s. 144

Bagi pihak plaintif - R.K. Nathan & Co.
Bagi pihak defendan - P.G. Lim & Co.

PENGHAKIMAN

Abdul Razak H:

Guaman Sivil ini berbangkit daripada satu perlanggaran yang berlaku di antara lori dan motorsikal di mana pihak plaintif sebagai penumpang motorsikal tersebut telah menemui kecederaan. Motorsikal itu telah dipandu oleh seorang kawan plaintif, yang bagi perbicaraan ini tidak menjadi satu pihak dan tidak dipanggil menjadi saksi. Kejadian ini berlaku di Batu 16, Sungai Pelong, Jalan Kuala Selangor-Kuala Lumpur, berhampiran dengan sebuah selekoh. Pihak polis telah memberi keterangan bahawa tanda-tanda perlanggaran itu ialah di sebelah jalan defendan ditanda "D" di dalam rajah kasar. Pihak plaintif berkata defendan telah masuk ke jalannya kerana hendak memotong selekoh ke sebelah kanan. Katanya lagi, pada masa kejadian itu kerja-kerja memasang paip sedang berjalan di tengah jalan dan ada tanda "AWAS" diletak di situ. Pihak defendan menafikan ada kerja-kerja tersebut dan ada tanda "AWAS" yang dinyatakan. Pihak polis, DW.1 juga berkata tidak ada pekerjaan dilakukan semasa ia berada di tempat kejadian dan tidak ada tanda papan "AWAS" didapati di tepi atau di tengah jalan atau di mana-mana.

Cuba kita lihat kata-kata plaintif itu. Ia berkata kejadian itu berlaku disebabkan kerana defendan sedang memotong ke kanan jalanraya kerana ada selekoh ke kanan jalan di hadapannya. Tetapi kita perhatikan, sepertimana rajah kasar itu menunjukkan, tanda perlanggaran itu berlaku sebelum selekoh itu bermula. Kalau dakwaan plaintif itu benar, seharusnya tanda perlanggaran itu di dapati di dalam selekoh itu betul. Perlanggaran itu juga didapati di sebelah jalan defendan sepertimana tanda "D" di dalam rajah kasar itu menunjukkan. Saya dapati juga cerita plaintif itu disokong oleh siapa-siapa, bahkan rajah kasar itu menafikan. Seharusnya pihak pemandu motorsikal itulah yang sepatutnya memberi keterangan bagaimana perkara itu telah berlaku, melainkan jika ia telah mati. Plaintif berkata saksinya, iaitu pemandu motorsikal tersebut tidak dapat dikesan ia tidak ada di kampung lagi. Tetapi tidak ada keterangan diberi oleh ibubapanya atau Ketua Kampung atau siapa-siapa yang mengetahuinya di mana saksi itu berada. Saya juga tidak diberitahu bahawa sapina telah dikeluarkan terhadapnya. Bahkan saksi itu seharusnya sendiri telah membuat tuntutan terhadap defendan di sini kerana pihak defendan berkata pemandu motorsikal itu juga telah menimpa kecederaan; tetapi, hairan sekali saksi itu tidak membuat tuntutan apa-apa terhadap siapa-siapa. Tidak dapat satu keadaan yang jelas sekali di mana s. 144 Ordinan Kebuktian itu berbangkit. Kerana, kesimpulan dari kegagalan saksi itu memberi keterangan ialah bahawa pemandu itu telah cuai memandu motorsikalnya. Anggapan ini bukanlah satu yang agak terkeluar dari dugaan. Di dalam keadaan di mana negara kita membenarkan pemandu-pemandu motorsikalnya menunggang motorsikal mereka, tanpa apa-apa ujian dan panduan yang tertentu, yang boleh menyelamatkan nyawa meraka dan orang ramai, dan membolehkan mereka menaikinya cuma dengan melekatkan lesen "L" sahaja di belakang motorsikal, maka kita tidak hairan jika sesuatu kemalangan semacam ini boleh berlaku dan kecuaiannya dilakukan oleh pihak pemandu motorsikal itu sendiri.

Ternyatalah dari apa yang saya telah katakan bahawa ada dua falsafah yang harus dihadapi di dalam hal ini. Satu, yang menyatakan bahawa jika perlanggaran itu berlaku di dalam kawasan yang berhampiran dengan garisan di tengah jalan, maka tidak kira samada ianya di dalam kawasan plaintif atau defendan, maka mahkamah haruslah menetapkan bahawa kedua-dua

pihak yang terlibat menanggung dengan sama rata separuh atau sebahagian dari kesalahan atau tanggungan yang berbangkit atas kadar yang maksimanya ialah 50% - 50%. Satu lagi filasafah, yang tidak asing lagi berkata, bahawa, adalah tugas pihak yang mendakwa itu membuktikan kesnya sekurang-kurangnya ke taraf kebarangkalian yang imbang (on the balance of probability). Yang penting diputuskan di sini ialah apakah dasar yang pertama itu bermakna bahawa, meskipun pihak mahkamah mendapati bahawa cerita plaintif itu tidak boleh dipercayai sama sekali, dan pihak defendan tidak didapati bersalah, ia masih bermakna defendan harus juga sedikit sebanyak dipersalahkan, atas sebab sesuatu rajah kasar pihak polis itu menunjukkan tanda perlanggaran itu amat berhampiran dengan tanda garisan di tengah jalan. Kalau pendapat yang terakhir tadi diikut, atas dasar apakah ia dibuat, atas dasar belas kasihankah atau, atas sebab kaki atau tangan seseorang itu telah patah? Kita memang dan tetap bersimpati apabila sesuatu kemalangan itu berlaku tetapi apakah ini ukuran bagi menentukan samada sesuatu pihak itu harus menanggung bebanan yang berbangkit dari sesuatu kemalangan? Soal-soal ini amat penting, kerana saya telah mendapati bahawa kejadian ini berlaku oleh kerana kesalahan pihak pemandu motorsikal itu semata-mata, yang telah cuai (negligence) memandu motorsikalnya. Dialah yang seharusnya didakwa kerana saya tidak mendapati pihak defendan boleh dipersalahkan. Kesimpulan ini dibuat kerana cakapan plaintif dan tingkah lakunya (demeanour) itu atas sebab-sebab yang saya telah nyatakan di atas, yang tidak boleh diterima. Sebaliknya, pihak plaintif telah tidak menunjukkan tindak-tanduk defendan yang boleh menimbulkan keraguan bahawa percakapan-percakapannya itu tidak boleh dipercayai. Bahkan, kesemua bukti-bukti yang telah didedahkan memihak kepada defendan sebagai yang bercakap dengan betul dan benar. Di manakah duduknya, oleh itu, ukuran bahawa pihak plaintif telah membuktikan kesnya dengan taraf kebarangkalian yang seimbang. Di dalam hubungan ini cuba kita semak dengan agak lebih teliti percakapan plaintif. Ia menyatakan bahawa pihak defendan telah masuk ke jalannya dengan tidak semena-mena dan dengan tidak ada sebab selain daripada hendak memotong selekoh ke kanannya, dan semasa perlanggaran itu kereta defendan berada di dalam kawasannya (plaintif). Tetapi manakah buktinya, selain daripada kata-katanya sahaja yang tidak berasas, kerana, kalau ini benar, bagaimanakah tanda perlanggaran itu terletak di sebelah jalan defendan. Memang ia, defendan ada berhadapan dengan sebuah selekoh ke kanannya, tetapi faktor ini, pada pendapat saya, membantu sebaliknya percakapannya bahawa ia tidak masuk ke jalan plaintif, kerana selekoh itu, seperti mana yang tidak dinafikan, adalah suatu yang tidak boleh nampak. Kita tahu, adalah pengetahuan umum (common knowledge) bahawa sesuatu kenderaan itu, apatah lagi kalau ia suatu yang berat seperti sebuah lori, tidak akan mengambil jalan orang lain di selekoh yang ia tidak nampak, semata-mata bagi menjaga keselamatannya sendiri. Ia sudah menjadi sikap seseorang pemandu yang semula jadi. Melainkan, jika sikap kecuaian itu jelas ternampak telah ditunjukkan oleh sesuatu pihak, sebelum kejadian itu lagi. Tetapi, manakah dianya di sini yang telah ditunjukkan oleh pihak defendan, yang jelas tidak ada. Sebaliknya, hakikat bahawa sesuatu selekoh itu yang tidak nampak, tidak menjadi kesulitan bagi pemandu-pemandu motorsikal, kerana dengan bentuk badan kenderaannya begitu ringan dibandingkan dengan kenderaan-kenderaan yang berat, boleh masuk keluar ke jalan orang dengan senang dan di dalam sekelip mata sahaja seolah-olah bermakna, kalau sesuatu kereta itu harus berjaga-jaga di selekoh yang buta (blind bend), kerana bimbang sesuatu kenderaan akan tiba-tiba menjelma di hadapannya dan dia tidak dapat mengelaknya, kemungkinan ini biasanya tidak timbul bagi sesuatu motorsikal kerana, dengan sifat-sifatnya disebut tadi, boleh mengelakkan sesuatu kemungkinan itu berlaku dengan pantas. Bahkan sebagai contoh, saya percaya kita semua pernah melihat sesuatu motorsikal memotong kereta di hadapannya di sebelah kanan kenderaan itu, sambil kereta itu sedang berselisih dekat dengan sebuah kenderaan yang datang dari hadapan. Ini pada kita ternampak suatu sikap yang mencemaskan tetapi atas sebab

a *b* *c* *d* *e* *f* *g* *h* *i*

badannya itu ringan ia tidak menjadi halangan bagi sesebuah motorsikal melakukan. Tetapi, sebaliknya pula, seperti kata bidalan "Sepandai-pandai dan seringan-ringan tupai melompat ...."!

Satu lagi detik percakapan plaintif harus diambil perhatian. Di dalam soalan pemeriksaan utama (Examination-in-chief) oleh peguamnya, dia berkata bahawa di tempat kejadian itu ada orang sedang bekerja dan tanda "AWAS" ada diletak di situ menunjukkan hal itu. Cakapan ini dibuat ternyata dengan tujuan, tidak syak lagi, untuk menegaskan bahawa dengan sebab keadaan itu lori defendan telah terhimpit dan terdesak dan terpaksa melencong masuk ke kanan ke jalan plaintif bagi mengelak halangan-halangan itu. Tetapi, kita perhatikan atas cakapan ini sahaja plaintif telah didapati bercanggah-canggah kerana, apabila disoal balas atas keterangan itu, ia berpusing dan mengubah sama sekali cakapannya dan berkata tidak ada orang bekerja di tempat itu pada ketika itu. Bahkan, mengikutnya, tanda "AWAS" di tengah jalan itu sebenarnya terletak di tepi jalan. Tetapi, dakwaan dan kenyataan ini pun dipertikaikan kerana pegawai penyiasat polis DW.1 berkata sebaliknya, tidak ada tanda "AWAS" dilihat di situ. Saya tidak nampak apa sebab DW.1, sebagai pihak polis, mesti bercakap bohong atas hal ini. Saya tidak nampak oleh itu, bagaimana, atas pengakuan plaintif itu sendiri, iaitu tidak ada orang bekerja di waktu itu, peguamnya masih menyoal dan mempertikaikan kewibawaan defendan menyatakan perkara yang sama iaitu tidak ada orang bekerja pada masa kejadian itu berlaku. Di dalam cakapan-cakapan plaintif, yang bercanggah-canggah itu, yang ternyata amat ketara sekali, apakah kesimpulan yang harus dibuat oleh Mahkamah melainkan bahawa ia adalah seorang yang cakapannya, bukan lagi yang diragukan, tetapi yang tidak boleh dipercayai dan diterima sama sekali.

Saya rasa prinsip yang menyatakan bahawa jika tanda perlanggaran itu didapati hampir berdekatan dengan garisan tengah jalanraya, hendaklah dibahagikan tanggungan (liability) kedua-dua pihak terbit darinya itu, atas kadar sama rata itu, adalah tertentu kepada keadaan di mana Mahkamah tidak dapat menentukan siapakah yang bercakap benar dan tiap-tiap satu cerita itu pada keseluruhannya boleh diterima kerana ia barangkali (probably) benar. Dengan hal yang demikian, jalan yang adil sekali bagi kedua-kedua pihak ialah, dengan berpandukan kepada tanda perlanggaran di tengah jalan yang ditunjukkan di dalam rajah kasar, dan tanggungan itu ditentukan dengan kadar pembahagian yang mahkamah memikirkan munasabah dan berpatutan. Pendapat ini saya rasa adalah yang seharusnya, jika tidak kita akan seolah-olah berpandukan kepada rajah kasar itu semata-mata, dengan tidak bertanggungjawab, dan mengenepikan kaedah yang amat penting sekali di dalam mana-mana perbicaraan sivil, yang menyatakan bahawa, tiap-tiap satu pihak itu hendaklah membuktikan kesnya atas dasar kebarangkalian yang imbang, tetapi, dengan anggapan dan dengan syarat bahawa saksi itu adalah seorang yang percakapannya pada khususnya boleh dipercayai dan boleh diterima. Tetapi, kalau hakikat ini tidak ujud, bagaimanakah prinsip membuktikan kes atas dasar kebarangkalian yang imbang itu berbangkit?

Sebelum saya mengakhiri pendapat saya atas peristiwa ini, saya rasa perlulah disentuh di sini atau perkara yang mungkin akan dikatakan oleh plaintif sebagai telah menjejas kewibawaan defendan. Ini ialah bersabit dengan soalan-soalan yang ditujukan oleh peguamnya kepada saksi defendan (DW.3) dengan tujuan menunjukkan bahawa pihak defendan sendiri telah bersikap cuai kerana menjalankan kenderaannya dengan terlalu laju atas kadar 31 batu satu jam di dalam selekoh. Tetapi, saya tidak mendapati kelajuan semacam itu, bila berada di selekoh pun, satu yang melampau dan boleh mencemaskan. Bagaimanapun, ini adalah pendapat DW.3 sendiri bukan DW.2 yang memandu lori tersebut. DW.3 pada ketika itu berada di dalam lori duduk di sebelah DW.2. Lagi pula, saya tidak percaya bahawa DW.2 telah berjalan dengan

laju tanpa sikap berjaga-jaga semacam mana yang digambarkan kerana keadaannya tidak mengizinkannya berbuat demikian, jika ia ingin sekalipun kerana, sebagai tanker yang membawa minyak, ia tentu sedar ia harus berhati-hati memandu, jika tidak minyak yang dibawanya itu sendiri akan menjilat nyawanya nanti.

Saya memutuskan, oleh itu, bahawa tuntutan ini ditolak dengan bayaran kos.

Also found at [1990] 1 CLJ 898